



MEMO PERHUBUNGAN

Daripada : Pengarah Ruj. Fail : PKT-PENT/04/08/01 ()
Tarikh : 31 Disember 2020

Kepada : Semua Warga PKT Salinan : 1. Pengarah
2. TPA
3. TPSA
4. Fail

Assalamualaikum dan Salam Sejahtera.

Tuan,

PEKELILING PERKHIDMATAN BILANGAN 5 TAHUN 2020 DASAR BEKERJA DARI RUMAH

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Bersama-sama ini dipanjangkan Pekeliling Perkhidmatan ini bertujuan untuk melaksanakan keputusan Kerajaan berkaitan dasar Bekerja Dari Rumah (BDR) bagi pegawai Perkhidmatan Awam Persekutuan. Pekeliling Perkhidmatan ini berkuat kuasa mulai 1 Januari 2021. Dengan berkuatkuasanya pekeliling perkhidmatan ini, semua kelulusan khas berkaitan BDR sebelum ini adalah terbatal.

3. Dimaklumkan jua, Ketua Jabatan boleh mempertimbangkan arahan BDR kepada pegawai menggunakan borang Arahan Bekerja Dari Rumah seperti Lampiran A.

4. Semua pegawai adalah perlu untuk mematuhi arahan dan peraturan garis panduan pelaksanaan Bekerja Dari Rumah (BDR) yang telah ditetapkan. Pekeliling ini boleh diakses pada *link* berikut <https://docs.jpa.gov.my/docs/pp/2020/pp052020.pdf>. Segala kerjasama dan perhatian tuan amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,

(DR. HAJI MOHD DAUD BIN ISA)